



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[COMPETENCY AND PROFESSIONALISM PRACTICE AMONG POLYTECHNIC
ISLAMIC EDUCATION LECTURERS IN EFFECTIVE TEACHING
AND LEARNING]**

**AMALAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME PENSYARAH PENDIDIKAN
ISLAM POLITEKNIK DALAM MEMBANTU PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN (PdP) BERKESAN**

AHMAD FIRDAUS MOHD NOOR¹

KHAIRUNNISA A SHUKOR¹

ABD NASIR MUSA¹

AHMAD BAKHTIAR JELANI¹

FATHIAH FATHIL¹

KHAFIZATUNNISA JAAPAR²

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak,
Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610, Perak, MALAYSIA

² Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karektor, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: firdausnoor@uitm.edu.my

Received Date: 20 Oktober 2021 • Accepted Date: 28 Disember 2021

Abstract

The circulation of time has demanded educators to be at a higher level than the present. Meanwhile, students nowadays have more access to technology and they have easy access towards any information. Therefore, as educators, including the Islamic Education Lecturers, should equip themselves with the practice of competencies and the value of professionalism in making the TnL process can be carried out effectively. Therefore, this paper discusses the practice of competencies and the value of professionalism required by a lecturer, especially the Islamic Education Lecturer. This paper focuses on three elements of competencies and the value of professionalism as essential elements for an educator, which are; mastering the field of expert, the value of professionalism, and classroom management. Overall, these three practices meet the requirements as the efforts of creating an effective TnL process.

Keywords: *practices of competencies, professionalism, efficient TnL, Lecturer of Islamic Education, polytechnic*

Abstrak

Peredaran zaman telah menuntut para pendidik berada pada tahap yang lebih tinggi berbanding sedia ada. Para pelajar hari ini pula mempunyai lebih akses kepada teknologi dan mereka mudah

mencapai sebarang maklumat. Justeru, sebagai pendidik termasuk Pensyarah Pendidikan Islam haruslah mempunyai amalan kompetensi dan nilai profesionalisme dalam diri bagi menjadikan proses PdP dapat dijalankan secara berkesan. Oleh itu, makalah ini membincangkan amalan kompetensi dan nilai profesionalisme yang diperlukan oleh seorang pensyarah khususnya Pensyarah Pendidikan Islam. Makalah ini memfokuskan kepada tiga elemen kompetensi dan nilai profesionalisme sebagai elemen-elemen penting bagi seorang pendidik, iaitu penguasaan dalam bidang, nilai profesionalisme dan pengurusan kelas. Secara keseluruhannya, tiga amalan ini menepati keperluan sebagai usaha mewujudkan proses PdP yang berkesan.

Kata kunci: Amalan Kompetensi, Profesionalisme, PdP berkesan, Pensyarah Pendidikan Islam, Politeknik

Cite as: Ahmad Firdaus Mohd Noor, Khairunnisa A Shukor, Abd Nasir Musa, Ahmad Bakhtiar Jelani, Fathiah Fathil & Khafizatunnisa Jaapar. 2022. [Competency and Professionalism Practice among Polytechnic Islamic Education Lecturers in Effective Teaching and Learning] Amalan kompetensi dan profesionalisme pensyarah Pendidikan Islam Politeknik dalam membantu pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkesan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 17-26.

PENGENALAN

Proses mendidik memerlukan komitmen yang tinggi (Syed Najmuddin Syed Hassan *et al.*, 2009) serta menuntut ciri kecemerlangan pendidik. Garapan minda dan usaha harus dicurahkan oleh pendidik bagi melahirkan kecemerlangan. Sementalahan pula, ajaran Islam amat menggalakkan umatnya berlumba-lumba ke arah kejayaan dan kecemerlangan. Jelaslah di sini, amanah dan tanggungjawab pendidik Muslim dituntut dalam mendidik para pelajar Islam dengan nilai ke-Islaman, daya kepimpinan, profesionalisme, selain menghabiskan sukatan pelajaran sendiri. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan nilai kompetensi yang perlu dilaksanakan oleh pendidik Muslim, antaranya ialah firman Allah S.W.T. ini: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. Tetapi antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.” (Surah Ali ‘Imran, 3:110). Justeru, satu perbincangan mengenai amalan kompetensi dan profesionalisme pensyarah politeknik dibahaskan dalam usaha membantu pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkesan.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) BERKESAN

Aspek penting yang menjadi tumpuan utama perbincangan pensyarah adalah ciri pengajaran dan pembelajaran berkesan (al-Ghazali t.th; al-Syaibani, 1991; Abdull Sukor Shaari, 2000; Ahmad Mohamad Said, 2001; Mohamad Najib Abdul Ghafar, 2004; Kane *et al.*, 2004; Muhammad Shatar *et al.*, 2006; Wood, L.N. & Harding, A., 2007; Chee Kim Mang, 2008; Fitzmaurice, M., 2008; Sahandri G.Hamzah *et al.*, 2008; Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Rohani

Arbaa *et al.*, 2010; Rafizah Mohamed Salleh, 2011; Esah Sulaiman, 2012; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2012). Kerja mengajar dan mendidik adalah satu tugas yang amat mulia yang merupakan kesinambungan amalan Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu, menyempurnakan tujuan dan matlamatnya adalah satu tugas seorang pendidik (Ahmad Mohamad Said). Mengajar juga merupakan nadi kepada sesuatu sistem pendidikan (Mohamad Najib Abdul Ghafar). Pengajaran cemerlang dapat memandu kita ke arah konteks pengajaran dan pembelajaran yang lebih luas (Skelton, A., 2006). Hal ini disebut Norakyairee Mohd Raus *et al.* (2012) yang membincangkan pengajaran akan menjadi lebih berkesan apabila timbulnya peningkatan pengetahuan dan pengalaman kepada pendidik. Tidak terkecuali juga terdapat perubahan tingkah laku pada pelajar seperti yang diharapkan (Mohamad Najib Abdul Ghafar, ; Mohd Sahandri Gani Hamzah *et al.*, 2010). Oleh itu, asas dalam penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran adalah kefahaman (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2010), ciri PdP berkesan melibatkan gabungan pelbagai ciri kecemerlangan. Ciri tersebut ialah keperibadian cemerlang, ilmu dan pengamalan Islam, kemahiran yang cemerlang, motivasi yang cemerlang, serta faktor luar yang membantu kecemerlangan. Faktor ini melibatkan pelajar, pentadbir, kemudahan sekolah dan kelas, program pembangunan pelajar, program pembangunan staf, serta faktor ibu bapa dan komuniti. Pengajaran berkesan juga dibincangkan Esah Sulaiman (2012) yang menyatakan bahawa ciri pengajaran berkesan adalah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, menggunakan pelbagai aplikasi kaedah pengajaran, serta mempunyai isi pelajaran yang bermakna. Beliau turut menambah bahawa termasuk PdP berkesan ialah memberi motivasi, membuat perancangan pengajaran dengan baik, memberi pujian dan ganjaran, memberi kepuasan hati kepada pelajar dari segi pengayaan dan pemulihan, mempunyai bahan bantu mengajar (BBM), sentiasa bersoal-jawab, serta melaksanakan penilaian dan reflektif.

Berdasarkan ciri yang dikemukakan, Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2012) membincangkan reflektif atau muhasabah sebagai satu sifat guru yang cemerlang. Hal ini kerana reflektif yang dilakukan terhadap kekurangan dan kelemahan dalam PdP akan disusulkan dengan cadangan penambahbaikan (Rodzli Hashim, 2010). Walau bagaimanapun penumpuan dan fokus pada penulisan ini hanya membicarakan mengenai aspek PdP sahaja. Hal ini kerana, kewajipan pendidik yang berjaya adalah memahami proses pengajaran dan pembelajaran (al-Syaibani, 1991). Hal ini adalah penting sebagai satu pengetahuan dan kemahiran untuk diterapkan ke dalam kehidupan sehari-hari (al-Nahlawi, 1995).

Menurut kepada perbincangan Kamarul Azmi *et al.* (2011b) dalam konsep pembelajaran, perancangan PdP sesuatu yang amat perlu bagi setiap pendidik. Hal ini disebabkan, perancangan yang rapi dapat memaksimumkan penggunaan masa yang diperuntukkan secara efektif serta meminimumkan aktiviti yang tidak produktif (Kamarul Azmi *et al.*). Maka seharusnya, perancangan dan persediaan yang rapi akan meningkatkan keberkesanan pengajaran (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012b).

Perancangan yang berkesan, amat signifikan dengan keperluan dan tuntutan bagi pensyarah politeknik khususnya Pensyarah Pendidikan Islam (PPI). Menurut Syed Kamaruzaman Syed Ali *et al.* (2008), ada beberapa perkara yang perlu dilakukan persediaan sebelum melaksanakan pengajaran. Antaranya ialah kandungan pelajaran, peruntukan waktu pengajaran, rancangan strategi PdP, kemudahan dan peralatan, hasil pembelajaran, serta objektif kandungan. Pernyataan ini disokong Carolyn M. Thomas & Matthew A.M. Thomas

(2012) bahawa persediaan pendidik bukan sahaja dari segi pengetahuan, malah dari segi bahan bantu mengajar (BBM) juga perlu diberi perhatian.

KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME PENSYARAH

Menurut Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim (2012) istilah kompetensi menerangkan tentang pengetahuan, kemahiran, dan ciri peribadi atau *personality traits* yang diperlukan bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Istilah ini diertikan sebagai gabungan beberapa aspek seperti pengetahuan, kemahiran, dan ciri peribadi dalam sesuatu kerjaya yang perlu dimiliki serta diamalkan. Kompetensi seorang guru atau pensyarah merupakan sesuatu yang bernilai dalam dunia pendidikan. Bernilainya di sini bermaksud bahawa, pendidikan negara mampu diangkat dan diiktiraf sebagai pendidikan bertaraf dunia melalui wujudnya pendidik yang kompeten dan komited dalam profesion (Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim).

Berdasarkan definisi dan makluman awal di atas, pengetahuan, kemahiran, dan ciri peribadi merupakan komponen utama dalam kompetensi guru (Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim, 2012). Dari segi pengetahuan, para pendidik dilihat dari sudut kebolehan menambah pengetahuan secara berterusan untuk memastikan prestasi diri diperbaiki secara berkesan. Kemahiran pula berdasarkan kebolehan pegawai memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran yang ada bagi melaksanakan tugas dengan cemerlang. Hal ini diikuti dengan ciri peribadi yang perlu dihayati dan diamalkan oleh semua pegawai perkhidmatan awam. Perkara ini termasuklah Pensyarah Pendidikan Islam (PPI). Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim menambah bahawa kompetensi boleh dibahagi kepada dua jenis, iaitu kompetensi umum dan khusus. Perkara ini turut dibincangkan dan ditekankan kepada pensyarah oleh Mahadi Abu Hasan & Norliah Kudus (2006). Perbezaan dua jenis kompetensi ini adalah dari segi pengetahuan, kemahiran, dan ciri peribadi yang spesifik dalam menjalankan tugas pada sesuatu jawatan bagi kompetensi khusus. Manakala bagi kompetensi umum, semua komponen kompetensi ini perlu dimiliki bagi sesuatu jawatan (Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim).

Bersandarkan hujah ini, Jabatan Pengajian Politeknik (2012b) menggariskan kompetensi sebenar bagi para pensyarah di politeknik. Kompetensi ini diukur berdasarkan:

- a. Penyampaian konsep dan fakta serta pemberian jawapan dilaksanakan dengan yakin, jelas, dan tepat.
- b. Isi pelajaran dikaitkan dengan situasi semasa atau pengalaman pelajar dengan menggunakan contoh yang relevan.
- c. Pensyarah mempamerkan keupayaan dalam meningkatkan pencapaian pelajar melalui kemahiran menyelesaikan masalah, analitikal, dan sintesis.
- d. Mencadangkan rujukan yang berkesan dalam bidang.

Kesimpulannya, kompetensi pensyarah akan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang akan melahirkan seorang pensyarah yang reflektif (Mahadi Abu Hasan & Norliah Kudus, 2006; Rodzli Hashim, 2010; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2012; Esah Sulaiman, 2012). Hal ini sejajar dengan perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran. Malahan, kompetensi dianggap sebagai alat penilai dan penanda aras untuk melihat kemajuan dan pencapaian peribadi dengan lebih objektif (Saedah Siraj & Mohammed Sani, 2012).

1. Penguasaan dalam Bidang

Carolyn M. Thomas & Matthew A.M. Thomas (2012) menyatakan seseorang tidak boleh menjadi pendidik yang pakar sekiranya tidak dapat menguasai dan mengetahui perkara dan bidang yang diajar. Hal ini kerana ilmu adalah bukti kepada kepakaran pendidik dan para pelajar bergantung kepada kepakaran pendidik dalam bidang tersebut (Carolyn M. Thomas & Matthew A.M. Thomas). Menurut G. Reid Lyon & Beverly Weiser (2009), pendidik yang pakar akan dapat membina dan mengaplikasikan ilmu tentang kemahiran yang kompleks. Oleh itu, setiap pendidik pakar akan memastikan para pelajar akan diajar untuk menguasai kemahiran tersebut. Penguasaan daripada pelajar memerlukan para pendidik mengetahui beberapa faktor di dalam kelas seperti faktor budaya dan etnik. Menurut G. Reid Lyon & Beverly Weiser, kepekaan dan pengetahuan terhadap perbezaan individu, akan memberikan para pendidik lebih berhati-hati dalam pemilihan bahan.

Penguasaan dalam bidang membantu para pendidik untuk merancang dan akan memberi kesan dalam pengajaran di dalam kelas (Carolyn M. Thomas & Matthew A.M. Thomas, 2012). Hal ini kerana, pendidik bukan sekadar perlu menguasai dalam bidang yang diajar sahaja, malah pendidik perlu menggunakan pengetahuan tersebut untuk mengorganisasikan dan menyampaikan pengajaran. Keadaan ini akan meningkatkan pembelajaran serta memastikan keperluan pelajar dipenuhi selaras dengan matlamat penghasilan produktiviti yang memberangsangkan. Menurut Carolyn M. Thomas & Matthew A.M. Thomas lagi seorang pendidik perlu ada penguasaan bidang tertentu secara luar biasa.

2. Nilai Profesionalisme

Menurut Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2012), seorang pendidik yang profesional adalah guru yang dapat membina identiti sebagai seorang pendidik dan mempunyai personaliti yang baik. Esah Sulaiman (2012) mendefinisikan profesionalisme adalah sesuatu nilai yang mempunyai hubungan yang dekat dengan tujuan seseorang bekerja. Justeru itu, bagi menjadi pendidik yang baik, iltizam pada tanggungjawab yang diamanahkan, memelihara maruah diri, serta senantiasa meningkatkan ilmu pengetahuan adalah tuntutan semasa dalam profesion perguruan . Perkara ini turut dibincangkan dan dipersetujui oleh Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri bahawa pendidik perlu memiliki sifat ikhlas, takwa, bertanggungjawab, dan bersopan santun. Hal ini selaras dengan ajaran Islam yang amat menekankan umatnya sentiasa menjadi cemerlang dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Apatah lagi kepada guru Pendidikan Islam yang diberi tanggungjawab untuk mendidik anak-anak Islam kepada ketinggian akhlak, peribadi dan kesempurnaan akhlak, serta kesempurnaan iman dan amal agama (Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman, 2011). Selain itu, ciri profesional yang lain boleh diringkaskan seperti berikut:

- a. Memiliki pengetahuan yang mendalam dalam bidang masing-masing.
- b. Mahir dan sangat kompeten dalam bidang pendidikan.
- c. Mematuhi kod etika dan peraturan.
- d. Mendapat pengiktirafan secara formal dan tidak formal daripada masyarakat.

Bagi Mohd Sahandri Gani Hamzah *et al.* (2010), keguruan merupakan satu profesion yang mempunyai etika tersendiri yang bertujuan mengawal selia tingkah laku dan perlakuan pengawal profesion keguruan. Dalam hal ini, beliau merujuk “Tatasusila Profesion Keguruan Malaysia” sebagai asas. Berdasarkan Tatasusila Profesion Keguruan tersebut, terdapat empat tanggungjawab yang perlu ditunaikan, iaitu:

- a. Tanggungjawab terhadap murid.
- b. Tanggungjawab terhadap ibu bapa.
- c. Tanggungjawab terhadap negara.
- d. Tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion keguruan.

Rumusannya, sebagai pensyarah politeknik dan khususnya Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) pengamalan nilai profesionalisme perlulah menjadi satu kelaziman dan kebiasaan yang mudah. Hal ini dapat dilakukan dengan mengamalkan nilai profesionalisme dengan cemerlang, iaitu kesungguhan dalam penyampaian, prihatin terhadap pembelajaran pelajar, bersikap adil, dan bertimbang rasa terhadap pelajar. Nilai profesionalisme yang lain ialah sikap mesra, sabar, mudah didekati, sedia membantu, ketepatan masa, sahsiah, penampilan baik yang boleh dicontohi pelajar, dan kemahiran berkomunikasi yang tinggi (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012b). Perkara ini diakui Alias Mat Saad *et al.* (2011a). Menurut beliau, apabila nilai profesionalisme ini diamalkan, aktiviti pembelajaran yang terarah akan membina iklim pembelajaran yang selesa di samping mengurangkan ketegangan emosi pelajar.

3. Pengurusan Kelas

Sesuai pengajaran yang berkesan juga bergantung pada pengurusan kelas (Abdull Sukor Shaari, 2000; Jabatan Pengajian Politeknik, 2012b; Esah Sulaiman, 2012). Menurut Esah Sulaiman, pengurusan didefinisikan dalam aspek pengajaran adalah aktiviti merancang, menyusun, memimpin, dan menyelaras untuk menghasilkan PdP yang berkesan. Manakala kelas atau bilik darjah adalah tempat pengajaran itu dilaksanakan. Apabila kedua istilah ini digabungkan, pengertian yang lebih luas dapat difahami. Hal ini bermaksud bahawa pengurusan kelas melibatkan pengurusan disiplin pelajar, penglibatan dan kerjasama pelajar dalam aktiviti di bilik darjah, serta mewujudkan persekitaran yang produktif, teratur, dan selamat. Selain itu, pengurusan kelas adalah menghasilkan pembelajaran yang optimum dalam kalangan pelajar yang menuntut kepada keperluan pelbagai kemahiran dan strategi mengurus kelas. Menurut Esah Sulaiman lagi, beberapa perkara yang perlu diambil perhatian sebelum pengajaran bermula, iaitu melihat dari segi bilangan pelajar, latar belakang mereka, keperluan bahan bantu mengajar (BBM), dan cara penggunaannya. Nisbah bilangan murid di bilik darjah juga mestilah sesuai dengan nisbah Guru Cemerlang supaya PdP boleh dilaksanakan dengan cemerlang, bermakna, selesa, dan efektif (Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian, 2012).

Bagi Abdull Sukor Shaari (2000), terdapat sepuluh prinsip pengurusan bilik darjah yang berkesan. Prinsip tersebut bergantung kepada guru, suasana bilik darjah serta pengurusan yang berkaitan dengan pengajaran. Prinsip tersebut adalah:

- a. Guru membina hubungan baik bersama pelajar.
- b. Kesungguhan dan sikap optimistik.
- c. Positif kepada semua pelajar.
- d. Sikap mencegah sesuatu berbanding mengawal.
- e. Pengurusan disiplin yang tegas.
- f. Bersikap adil dan tekal.
- g. Membiasakan pelajar dengan peraturan dan rutin pada awal tahun.
- h. Mendapat kerjasama daripada pelajar dalam membina rutin dan peraturan kelas.
- i. Memberi dorongan yang positif.
- j. (10)Mengurangkan gangguan dalam PdP.

Jabatan Pengajian Politeknik (2012b) juga ada menggariskan ciri pengurusan kelas yang cemerlang, iaitu:

- a. Memastikan kelas berada dalam keadaan selamat, bersih, dan teratur.
- b. Mengambil berat terhadap kehadiran dan ketepatan masa pelajar.
- c. Arahan yang jelas dan penekanan terhadap keselamatan dan kesihatan (jika berkaitan).
- d. Susun atur kedudukan pelajar sesuai dengan aktiviti yang dilaksanakan dan ruang kelas digunakan secara optimum untuk tujuan pembelajaran.
- e. Tingkah laku pelajar berjaya dikawal serta menegaskan pematuhan pada peraturan serta memastikan pelajar memberi tumpuan terhadap pelajaran.
- f. Menegur salah laku pelajar (jika berlaku) dengan serta merta tanpa menjejaskan maruah mereka.

Persekitaran yang sihat akan menggalakkan dan menyokong untuk melahirkan penghayatan nilai murni dan kesan positif terhadap proses PdP (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010). Justeru itu, susunan fizikal bilik kelas yang teratur boleh memberi kesan terhadap tingkah laku guru dan pelajar. Selain itu, susun atur kelas yang baik akan meningkatkan pencapaian akademik. Pernyataan tersebut disahkan lagi dengan kemudahan pembelajaran seperti bilik kuliah dan amali yang mencukupi khususnya untuk Pendidikan Islam boleh mempengaruhi pembelajaran pelajar (Alias Mat Saad *et al.*, 2011b).

Kesimpulannya, pengurusan kelas yang berkesan akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi efektif, menyeronokkan, kondusif, dan menarik (Abdull Sukor Shaari, 2000). Hal ini berdasarkan dapatan kajian Kamarul Azmi Jasmi (2010). Beliau mendapati, aspek keceriaan dan kebersihan kelas amat ditekankan, di mana penyusunan kerusi meja, pencahayaan dan pengudaraan di dalam kelas diberi perhatian demi memastikan kelas dalam keadaan yang kondusif.

KESIMPULAN

Tuntasnya, perbincangan ini membawa kepada para pembaca memahami kepentingan amalan kompetensi dan profesionalisme pensyarah secara amnya dan khususnya Pensyarah Pendidikan Islam politeknik dalam membantu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkesan. Elemen

ini seharusnya dijadikan panduan bagi semua yang bergelar pendidik. Justeru pensyarah Pendidikan Islam perlu mengambil perhatian agar meletakkan kriteria ini sebagai asas dan panduan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di institusi masing-masing.

RUJUKAN

- Abd. Shukor Shaari (2000). Tingkah Laku Pengajaran dan Kualiti Peribadi Pensyarah Universiti. *Seminar Penyelidikan UUM 2000*. Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 438-453.
- Abdurrahman Al-Nahlawi (1995). *Ushulut Tarbiyah Islamiyah wa asalibiha fil Baiti wa al-Madrasati wa al-Mujtama*. (Trj. oleh Shihabuddin dengan tajuk: Pendidikan Islam di Rumah Sekolah dan Masyarakat). Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad Mohamad Said (1999). Islamisasi Pendidikan: Peranan Pendidik. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 8 Bil 4 Nov-Dis 1999/Rejab-Syaaban 1420.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd.Rahimi Nik Yusof & Ruhizan Mohammad Yassin (2011a). Kajian Kerelevenan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *AJTLHE* Vol. 3, No.2, July 2011, 60-70.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd.Rahimi Nik Yusof & Ruhizan Mohammad Yassin (2011a). Kajian Kerelevenan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *AJTLHE* Vol. 3, No.2, July 2011, 60-70.
- Carolyn M. Thomas & Matthew A.M. Thomas (2012). Zambian Teachers'Perceptions of Expert Teaching: Resourcefulness, Punctuality, and Sobriety. *International Journal of Qualitative Studies in Education*, 25:5, 583600.
- Chee Kim Mang (2008). Kualiti Guru Permulaan Keluaran Sebuah Institut Perguruan: Satu Tinjauan dari Perspektif Pentadbir Sekolah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 23, 49-67.
- Esah Sulaiman (2012). Pengenalan Pedagogi. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- G. Reid Lyon & Beverly Weiser (2009). Teacher Knowledge, Instructional Expertise, and the Development of Reading Proficiency. *Journal of Learning Disabilities*, Volume 42, Number 5, September/October 2009, 475-480.
- al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. t.th. *Ihya 'Ulum alDin*, Jld. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi (2012b). *Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik Edisi 2012*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah (2011b). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. *Journal Teknologi*, 56 (Sains Sosial), September 201: 179-198.

- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Aplikasi Pendekatan Berpusatkan Pelajar dalam P&P Guru Cemerlang. Kertas Kerja Ucaptama Kedua, Persidangan Meja Bulat “*Penyediaan Guru Cemerlang*”. 06 September 2012. Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam, Malaysia (IKIM)
- Kamarul Azmi Jasmi (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2012). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman (2011). Profesionalisme Guru Pendidikan Islam: Konsep dan Amalan. *Proceeding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*. 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah, 453-462.
- Mahadi Abu Hasan & Norliah Kudus (2006). Kompetensi Pensyarah di dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P): Satu Kajian Di KUTKM. Laporan Penyelidikan, Pusat Perkhidmatan Akademik, KUTKM, PJP/2005/PPA(11)-S126.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2004). *Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Marian Fitzmaurice (2008). Voices from Within: Teaching in Higher Education as a Moral Practice. *Teaching in Higher Education*, Vol. 13, No. 3, June 2008, 341-352.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies* 11, 2010.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Ramli Basri, Shaffe Mohd Daud (2010). *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Shatar Sabran, Jasni Sabri & Azali Mohamed (2006). *19 Tip Pendidik Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Norakyairee Mohd Raus, Ab. Halim Tamuri & Norshidah Mohamed Salleh (2012). Asas Kesediaan Pengajaran Guru Berkesan dalam Modul al-Quran Berbantuan al-Quran Braille. *Proceeding of International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012 (ICRIALE 2012)*. 01-02 June 2012. Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia, 331-342.
- Rafizah Mohamed Salleh (2011). Model Guru Contoh Pendidikan Islam. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Rodzli Hashim (2010). Memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran. Dalam Azizul Rahman Abdul Rahman & Mohamad Saleeh Rahamad. *Strategi Pengajaran Guru Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar?. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2)(2010): 61-69.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian.(2012). Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang di dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 27, 51-68, 2012.

- Ruth Kane, Susan Sandretto & Chris Heath (2004). An Investigation Into Excellent Tertiary Teaching: Emphasising Reflective Practice. *Higher Education* 47: 283310, 2004.
- Sahandri G. Hamzah, Hafidah Mohamad & Mohammad R. Ghorbani (2008). *Excellent Teachers' Thinking Model: Implications for Effective Teaching. Australian Journal of teacher Education*. Vol. 33: Iss. 4, Article 2, 11-27.
- al-Syaibany, Omar Muhammad al-Toumy (1991). *Falsafah al-Tarbiah al-Islamiah Mansyurat al-'Ammah Linasyri Wa al-Tauzi'u wa al-i'lan*. (Trj. Oleh Hasan Langgulung dengan tajuk: Falsafah Pendidikan Islam). Shah Alam: HIZBI.
- Skelton, A. (2006). *Understanding Teaching Excellence in Higher Education: Towards a Critical Approach*. New York: Routledge.
- Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2012*. 07-09 Oktober 2012. The Zon Regency by the Sea Johor Bahru.1-44.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2), 2009 31-50.
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Julismah Jani, Shabeshan Rengasamy & Zawawi Ismail (2008). Perancangan dan Persediaan Guru dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah. *Jurnal Masalah Pendidikan*, Jilid 31 Bil.1, 2008
- Wood, L.N. & Harding, A. (2007). Can you Show you are a Good Lecturer?. *International Journal of Mathematical Education in Science and Technology*, Vol 38, No. 7, 15 October 2007, 939-947.